

# HLB@SCHOOL

classroom  
adventures.  
EXPLORE • ENGAGE • EMPOWER

MEI 2023  
EDISI 3



# JADI, APA ITU

# WANG?

Dalam artikel April 2023, melalui perbualan Sarah dan Daniel, kita telah belajar untuk membezakan antara keperluan dan kehendak. Semasa kita belajar lebih lanjut tentang wang, pernahkah anda terfikir apa itu wang? Dalam artikel ini, mari kita ketahui dengan lebih lanjut tentang wang dan nilainya.

Wang merupakan satu medium penukaran yang diguna untuk membayar keperluan dan kehendak.

Di Malaysia, kita menggunakan Ringgit ("RM") sebagai matawang. Kita ada pelbagai jenis wang kertas serta duit syiling antaranya, RM50, RM10, RM5 dan 50 sen. Tetapi, adakah anda tahu bahawa wang juga wujud dalam bentuk digital? Daripada membawa wang dalam bentuk fizikal, kita juga boleh menggunakan wang dalam bentuk digital melalui kad bank dan e-wallet untuk membuat pembayaran elektronik.

Sama ada kita menggunakan wang tunai ataupun wang digital, amatlah penting untuk kita memahami dan mengukur nilai wang. Pemahaman ini akan membantu kita untuk membuat pilihan secara berhemah apabila pembelian dilakukan.

Untuk memastikan anda dapat menjalani simpanan dan perbelanjaan, anda disyorkan untuk meminta ibubapa anda untuk membuka akaun simpanan seperti HLB 3-in-1 Junior Account untuk anda.

Dengan akaun bank, anda boleh membuat deposit, pengeluaran tetap serta menyemak baki akaun anda. Ingat ya, pastikan anda berbelanja untuk keperluan dahulu. Selepas itu, anda boleh membuat satu pelan simpanan untuk kehendak anda.

**DENGAN APLIKASI HLB POCKET CONNECT,  
ANDA BOLEH MENJEJAK BAKI WANG SAKU  
DAN PERBELANJAAN. ANDA JUGA  
MEMPUNYAI KEBEbasAN UNTUK MEMBUAT  
PEMBAYARAN TANPA TUNAI DENGAN KAD  
DEBIT HLB JUNIOR.**

## TIP UNTUK TAHU BILA KITA HARUS BELANJA ATAU SIMPAN ?

### 1. BUAT SATU REKOD VISUAL

Dengan adanya satu **carta visual atau aplikasi wang, dimana anda boleh menyenaraikan perbelanjaan harian**, anda akan dapat menjalani matlamat wang anda secara efektif.

### 2. TETAPKAN HAD PERBELANJAAN

Tetapkan satu had perbelanjaan mingguan ataupun bulanan bagi kesemua pembelian keperluan anda. Setelah itu, semak jika ia padan dengan wang saku anda. Sekiranya tidak cukup, anda harus menyemak semula senarai perbelanjaan anda dengan mengeluarkan beberapa item yang tidak perlu. Dengan cara ini, tiada pembaziran akan terjadi.

### 3. SIMPAN, BELANJA DAN SIMPAN SEMULA

Konsep penyimpanan wang bagi jangka masa yang tertentu adalah untuk **menggalakkan anda untuk berbelanja secara berhemah**. Anda mungkin mempunyai alasan tersendiri untuk menyimpan wang. Misalnya, anda mengumpulkan wang untuk membeli sepasang kasut ataupun untuk permainan video yang baru. Dengan menyimpan wang, anda akan dapat membeli apa-apa yang anda inginkan, dan apabila wang anda tidak mencukupi, mula untuk menyimpan semula.

Dengan mengetahui nilai wang dan cara untuk mengendalikannya secara bijak, anda akan menjadi lebih yakin pada masa hadapan.

Dengan mempelajari cara menyimpan dan menggunakan wang anda dengan sebaiknya, ia merupakan kunci kepada keselamatan kewangan yang lebih kukuh pada masa hadapan.

**HLB MERUPAKAN ANGGOTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM). AKAUN HLB 3-IN-1 JUNIOR JUGA DILINDungi OLEH PIDM SEBANYAK RM250,000 BAGI SETIAP PENYIMPAN.**